



جابتن ائام اسلام ٲيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(94)

Tarikh: 14 Jamadilawal 1447
5 November 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	7 November 2025 / 16 Jamadilawal 1447
Tajuk	Keadilan Raja – Kasih Rakyat: Tunjang Kemakmuran Negeri

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“KEADILAN RAJA – KASIH RAKYAT: TUNJANG KEMAKMURAN NEGERI”

7 November 2025 / 16 Jamadil Awal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي جَعَلَنَا مِنْ أُمَّةٍ وَاحِدَةٍ، وَأَمَرَنَا بِالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ لِوَلَاةِ أَمْرِنَا مَا لَمْ يَأْمُرُوا بِمَعْصِيَةِ اللَّهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keampunan Ilahi; dikurniai kebaikan dunia – kebaikan akhirat. Bersempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah kali ke-69, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“KEADILAN RAJA – KASIH RAKYAT: TUNJANG KEMAKMURAN NEGERI”

Firman Allah SWT:

﴿وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْقَرْنَيْنِ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا ۝ إِنَّا مَكِّنَّا لَهُ فِي الْأَرْضِ وَءَاتَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبِيلًا ۝﴾

Bermaksud: Dan mereka akan bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang Zulkarnain. Katakanlah “Aku akan bacakan kepadamu cerita tentangnya. Sesungguhnya Kami telah memberi kuasa kepadanya di bumi dan Kami telah

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

memberikan kepadanya jalan (untuk mempunyai) segala sesuatu.

(Surah al-Kahfi ayat 83 dan 84)

Ayat tersebut mengisahkan kepimpinan dan pemerintahan Zulkarnain yang berteraskan keadilan dan kebijaksanaan. Zulkarnain menjelajahi pelbagai wilayah di bumi, membawa panji keadilan berpaksikan hukum dan syariat Ilahi agar manusia dapat menjalani kehidupan dalam suasana aman dan damai.

Menginsafi bahawa kuasa pemerintahan adalah amanah dan tanggungjawab kurniaan Allah SWT, yang mengangkat seseorang manusia sebagai penguasa di bumi, Zulkarnain mengamalkan sikap yang senantiasa patuh kepada perintah Pencipta-nya. Ketika Zulkarnain tiba di wilayah barat, al-Quran merakamkan ucapannya seperti yang terkandung dalam ayat 87 dan 88 surah al-Kahfi yang bermaksud:

Zulkarnain berkata, "Adapun orang yang melakukan kezaliman (kufur derhaka), maka kami kelak akan menghukumnya, kemudian dia dikembalikan kepada Tuhannya lalu Tuhan mengazabnya dengan azab yang tidak ada tarafnya. Adapun orang yang beriman dan beramal soleh, maka baginya pahala yang terbaik sebagai balasan, dan akan kami perintahkan kepadanya perintah-perintah kami yang mudah."

Ucapan tersebut membuktikan prinsip keadilan yang diamalkan oleh Zulkarnain, memberi balasan sesuai dengan amal, tidak dipengaruhi nafsu, dan tidak menjatuhkan hukuman secara salah, berdasarkan pangkat, taraf kekayaan atau keturunan seseorang. Zulkarnain menghukum pelaku kezaliman, dan menghargai orang beriman yang membuat kebaikan; iaitu orang-orang yang tidak menyalahgunakan kuasa, jauh sekali menggunakan jawatan untuk kepentingan peribadi.

Jemaah yang dilimpahi petunjuk Ilahi

Selaku Raja Pemerintah, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak mempunyai kedudukan paling utama, memayungi pemerintahan negeri. Baginda berperanan sebagai ketua agama Islam; juga bertanggungjawab untuk

memastikan negeri ditadbir urus secara adil, telus dan beramanah, di samping memastikan setiap rakyat baginda mendapat hak, perlindungan dan pembelaan yang adil lagi saksama, tanpa pilih kasih, tanpa diskriminasi agar negeri makmur dan rakyat hidup sejahtera.

Sejarah menunjukkan negeri yang makmur dan kerajaan yang beroleh berkat, bukan disebabkan memiliki khazanah kekayaan harta semata-mata, tetapi kerana diperintah secara adil; rakyat menikmati limpah rahmat kemakmuran, lalu mentaati kepimpinan. Keadilan dan kesaksamaan ialah asas dan tunjang kepada kemakmuran sesebuah negeri. Sifat keadilan raja pemerintah, diadun dengan rasa kasih rakyat, akan merangkai persefahaman yang meningkatkan kesetiaan rakyat kepada takhta; lalu menjamin pemerintahan yang berdaulat dan kerajaan yang stabil, lantas negeri menjadi makmur dan rakyat hidup harmoni, serta mendapat rahmat keberkatan daripada Allah SWT.

Islam mewajibkan umatnya mentaati pemimpin yang dilantik secara sah selagi mana pemimpin tidak menyeru kepada perkara yang menyalahi syarak selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ
بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Bermaksud: "Setiap Muslim wajib mendengar dan mentaati (pemimpin) pada perkara yang dia suka atau tidak suka kecuali jika (pemimpin) menyuruh pada perkara maksiat. Jika pemimpin menyeru kepada maksiat maka tidak wajib dengar dan taat."
(Hadis Riwayat Muslim)

Islam turut menegaskan agar pemerintah menyayangi rakyat dan tentunya rakyat akan membalas kasih sayang tersebut selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

خِيَارُ أَيْمَتِكُمُ الَّذِينَ تُحِبُّوهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ وَتُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ

Bermaksud: "Sebaik-baik pemimpin kamu, adalah mereka yang kamu cintai dan mereka mencintai kamu, kamu mendoakan mereka dan mereka mendoakan kamu."
(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Jemaah Rahimakumullah

Setiap minggu di mimbar Jumaat, katib mendoakan, jemaah mengaminkan doa akan kesejahteraan raja, agar raja sentiasa berada dalam bimbingan serta mendapat keredhaan Ilahi, berlaku adil kepada rakyat, juga dikurniakan taufik dan hidayah, menyempurnakan pemerintahan dalam negeri yang aman dan sentosa. Bersempena ulang tahun sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, mimbar menyampaikan peringatan dan harapan berikut:

Pertama: Takhta pemerintahan bertenaga memenuhi peranan sebagai payung penyatuan dalam kepelbagaian, mengharmonikan hubungan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa.

Kedua: Takhta pemerintahan memahami dan menghargai harapan tinggi rakyat yang memohon agar takhta berperanan sebagai penimbang tara yang bebas, bertindak secara adil - secara saksama, menyemak dan mengimbang, berpegang prinsip meluhurkan perlembagaan dan mendaulatkan undang-undang, tanpa memihak dan kekal mencuar tinggi di atas segala polemik politik kepartian.

Ketiga: Takhta pemerintahan menginsafi bahwa kedudukan dan kuasa ialah anugerah dan ujian Ilahi, justeru itu sewajibnya memperlihatkan sebaik contoh teladan kepimpinan dalam memenuhi amanah Ilahi dan dalam memenuhi harapan rakyat agar kemuliaan takhta tidak tercemar dan kedaulatan raja pemerintahan kekal dijunjung.

Keempat: Takhta pemerintahan perlu didampingi dan dibantu oleh penasihat daripada kalangan ulama dan umara yang jujur dan ikhlas, berilmu dan berpengetahuan, arif lagi bijaksana; barisan penasihat yang bebas daripada menggunakan kedudukan dan hubungan dengan istana untuk kepentingan peribadi, barisan penasihat yang berupaya mempersembahkan sebaik nasihat

dan seikhlas pandangan, membantu agar raja yang bertakhta dapat menyempurnakan amanah Ilahi secara adil – secara saksama, bertiangkan syariat – bersendikan adat.

Semoga negeri ini, di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dilimpahi rahmat dan keberkatan, kesejahteraan dan kemakmuran, diilhamkan baginda sebaik-baik ilmu pemerintahan seperti yang dikurniakan kepada Zulkarnain.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثْبِثْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! Jadikanlah kami rakyat yang menumpahkan taat setia kepada raja dan negara, berkasih sayang sesama manusia dan sentiasa mensyukuri nikmat keamanan. Peliharalah raja kami, Duli Yang Maha Mulia, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, agar sentiasa berada dalam bimbingan Mu, berlaku adil kepada rakyat dan menjadi pemimpin yang Engkau redhai. Kurniakanlah taufik dan hidayah kepada baginda agar dapat melaksanakan pemerintahan dalam sebuah negeri yang aman lagi sentosa, serta rakyatnya hidup dalam damai dan harmoni. Kurniakan taufik dan hidayah Mu kepada Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mukmin! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu, jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang yang terhalang mendapat nikmat-Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahatan dan kezaliman. Limpahi rahmat-Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.